



*Tunku Ali Redhaudin Ibni Tunku Mukhriz (tiga dari kanan) bersama pemenang acara lawan pedang semalam.*

**SUKIPT 2018 UKM**

# UPM dahului kutipan pingat

**Bangi:** Bertaki dua hari sebelum Sukan Institusi Pengajian Tinggi 2018 (SUKIPT 2018) melabuhkan tirainya, saingan untuk bergelar juara keseluruhan terus sengit dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) merampas kedudukan teratas keseluruhan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) selepas mengumpul 34 emas.

UiTM selaku juara bertahan pula mengumpul 29 emas manakala Politeknik Malaysia di tangga ketiga dengan 23 emas.

Kontinjen Politeknik Malaysia

antara yang paling menyerlah semalam apabila mengumpul 13 emas, manakala UPM menambah 10 lagi emas setakat jam 8 malam tadi. Hari ini sebanyak 43 lagi pingat emas menjadi pertaruhan

Dalam pada itu, atlet lawan pedang kebangsaan, Joshua Koh Jie mengotakan janji menghadiahkan emas untuk Universiti Nilai apabila memenangi kategori epee lelaki selepas menewaskan Muhammad Ammarluddin Mohamad Daud dari UKM.

Satu lagi pingat emas yang ditawarkan menerusi acara lawan pedang kategori sabre wanita dimenangi atlet Universiti Sunway, Natania Tan Li Suet mengalahkan Ainul Latifah Muhammad Taib dari UPM.

## **Rekod kejohanan**

Acara lawan pedang semalam turut dihadiri Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Ibni Tunku Mukhriz yang menyampaikan pingat kepada pemenang.

Sementara itu, ratu heptatlon negara, Norliyana Kamaruddin, 27, daripada UPM membuktikan dirinya sukar digugat apabila memperbaharui rekod kejohanan semalam dengan mengumpul 4,595 mata dalam tujuh disiplin.

Pemain badminton profesional, Zulhelmi Zulkiffli yang mewakili UiTM pula mengesahkan tempat ke final acara perseorangan semalam untuk bertemu Shahzan Shah Misfahul Muneer dari Universiti Malaya.